

25/11/1998

FCAM kutuk wakil Amerika

KUALA LUMPUR, Selasa - Persekutuan Persatuan Cina Malaysia (FCAM) mengutuk campur tangan asing dalam hal-ehwal dalaman negara dan menyatakan komitmennya untuk membantu kerajaan menegakkan undang-undang dan perlembagaan.

Komitmen itu disampaikan FCAM dalam pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam. Delegasi FCAM diketuai Presidennya, Datuk Chong Chin Shoong.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini, Ketua Setiausaha Eksekutif FCAM, Lai Kuan Fook, berkata dalam pertemuan itu, Dr Mahathir juga memberi penjelasan mengenai situasi politik dan ekonomi semasa.

"Perdana Menteri meminta masyarakat Cina di negara ini untuk bersama-sama kerajaan menangani masalah kemerosotan ekonomi," katanya.

Sementara itu, Majlis Belia Wilayah Persekutuan menyelar penyokong reformasi yang sanggup melutut dan menyembah Yahudi apabila membawa slogan menyokong Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton; Naib Presidennya, Al Gore dan Setiausaha Negara itu, Madeline Albright.

Pengerusinya, Yusri Ahmad, berkata lebih buruk lagi apabila kumpulan itu sanggup meminta Clinton menangkap Dr Mahathir.

"Kami cukup hairan dengan keadaan ini dan tidak menjangka sama sekali ada orang Malaysia yang lupa diri dan asal-usul mereka serta hilang pertimbangan sehingga mudah menyembah Amerika dan menidakkan pemimpin sendiri.

Ketua Biro Perhubungan Antarabangsa Pergerakan Pemuda MCA, Lee Hwa Beng, pula berkata kenyataan Gore baru-baru ini boleh mendorong perusuh jalanan meletakkan undang-undang dalam tangan mereka.

"Ucapan Gore yang menyifatkan perusuh sebagai golongan berani menyebabkan golongan terbabit semakin bersemangat dan bertindak keterlaluan.

Sementara itu, Pengerusi Forum Malaysia United Kingdom dan Eire (Fmuke), Aminolhuda Hasan, kesal kerana Gore menyuarakan pandangan itu ketika menjadi tetamu negara.

(END)